

Carta Organisasi

Perkhidmatan

Posted by: Anonymous

Posted on : 2014/11/16 4:20:00

Carta Organisasi

Kelab Sukan Dan Kebajikan Hospital Baling

Tugas Pegawai Kelab

Pengerusi:

(a) Bertanggungjawab di atas perjalanan dan pentadbiran Kelab;

(b) Menjadi Pengerusi Mesyuarat bagi semua Mesyuarat Agung dan Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir serta bertanggungjawab di atas kesempurnaannya serta menandatangani semua peringatan-peringatan mesyuarat, dan mempunyai Undi Pemutus di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut;

(c) Menandatangani semua cek-cek Kelab bersama-sama Setiausaha atau

d) Mewakili Kelab dalam sebarang perkara atau urusan dengan badan-badan luar; dan

(e) Di dalam tiap-tiap mesyuarat, jika sekiranya Pengerusi tidak dapat hadir, maka Naib Pengerusi hendaklah menjadi Pengerusi Mesyuarat dan jika kedua-duanya tidak dapat hadir, maka seorang daripada Ahli Jawatankuasa Tadbir yang hadir hendaklah dipilih untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut.

Naib Pengerusi:

(a) Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi dan mewakilinya dalam sebarang perkara ketika ketiadaan Pengerusi.

Setiausaha:

Setiausaha adalah bertanggungjawab menjalankan pentadbiran Kelab dan urusan-urusan yang berkaitan dengannya menurut keputusan dan arahan Jawatankuasa Tadbir dan Mesyuarat Agung dari masa ke semasa;

(b) Menguruskan hal-hal surat menyurat Kelab serta menyimpan semua rekod-rekod ahli, surat-surat peringatan mesyuarat dan dokumen-dokumen Kelab serta bertanggungjawab di atas kesempurnaan dan kebetulannya;

(c) Menghadiri semua mesyuarat-mesyuarat dan mencatat butir-butir peringatan mesyuarat; dan

(d) Menandatangani semua cek-cek Kelab bersama-sama Pengerusi atau Bendahari.
Bendahari

Bendahari:

(a) Bendahari hendaklah menguruskan hal-hal mengenai kewangan Kelab dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan dan kebetulannya;

(b) Membuat dan menyimpan kira-kira kewangan dengan betul dan sempurna serta membentangkannya untuk semakan Jawatankuasa Tadbir dari masa ke semasa; dan

(c) Menandatangani semua cek-cek Kelab bersama-sama Pengerusi atau Setiausaha.

Pemeriksa Kira-kira (Juru Audit):

(1) Tidak Kurang daripada DUA (02) orang ahli yang bukan daripada Ahli Jawatankuasa Tadbir hendaklah dipilih sebagai Pemeriksa Kira-kira (Juru Audit) di dalam Mesyuarat Dwi Tahunan. Mereka akan memegang jawatan tersebut selama DUA (02) tahun dan boleh dilantik semula; dan

(2) Pemeriksa Kira-kira (Juru Audit) hendaklah memeriksa kira-kira kewangan Kelab bagi masa ENAM (06) BULAN dan membuat laporan atau pengesahan untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan dan mereka juga di dalam tempoh jawatannya dikehendaki memeriksa dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Tadbir dari masa ke semasa menurut yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Tadbir.

Penaung Dan Penasihat:

Penaung dan Penasihat kepada Kelab ini adalah penyandang jawatan Pengarah Hospital Baling yang sedang berkhidmat.